

Kerajaan tak biarkan Proton 'mati'

BH- 13/7/2007

Rundingan dengan VW antara kaedah bantu pulihkan kewangan syarikat nasional



Laporan Abdul Razak Raaff

KUALA LUMPUR: Kerajaan tidak akan membiarkan institusi kebanggaan negara, Proton Holdings Berhad (Proton) 'mati' atau ditutup walaupun mencatatkan kerugian dalam perniagaannya, kata

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya.

Katanya, kerajaan akan mencari kaedah bagi membantu Proton dan ketika ini rundingan dengan Volkswagen AG (VW) untuk membentuk kerjasama strategik, berjalan lancar.

"Rundingan terus diadakan dan tiada halangan nyata untuk menyekat kedua-dua pihak meneruskan rundingan," katanya menjawab soalan tambahan Senator Datuk Norraesah Mohamad, pada persidangan Dewan Negara, di sini, semalam.

Hilmi berkata, syarikat Jerman itu menunjukkan minat dan berharap sesuatu yang baik akan diperoleh sebaik keputusan muktamad dibuat akhir tahun ini.

Norraesah ingin tahu sama ada Proton akan ditutup berikutan kedudukan kewangan semakin menurun, selain memerlukan gabungan dengan pihak lain untuk terus hidup.

Menjawab soalan Senator Tan Bon You mengenai kemungkinan syarikat itu bergabung dengan Perodua, Hilmi berkata, Proton belum berhasrat mengadakan perbincangan de-

FAKTA NOMBOR

Perangkaan jualan Proton

179,733

Tahun kewangan 2005/2006

201,226

Tahun kewangan 2004/2005

ngan Perodua.

Hilmi berkata, pengeluaran kereta Proton menurun daripada 200,501 unit pada tahun kewangan 2004/2005 kepada 182,859 unit bagi 2005/2006.

Selain itu, katanya, perangkaan jualan kereta nasional itu pada tahun kewangan 2005/2006 ialah 179,733 unit, berbanding 201,226 unit pada tahun sebelumnya.

Penguasaan Proton dalam pasaran domestik tahun lalu ialah 31 peratus, lebih rendah berbanding 40 peratus (2005) dan 44 peratus (2004).